

**NO. SOALAN: 470**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**

**RUJUKAN : 9782**

**SOALAN:**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditahan untuk setiap-tiap depot-depot imigresen untuk lebih daripada satu tahun untuk setiap tahun dari 2010-2016 mengikut umur, kanak-kanak bawah 18 tahun, jantina, negara asal, bilangan orang Rohingya atau pelarian/pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR dan sebab-sebab penahanan berpanjangan.

**JAWAPAN:**

**Bilangan tahanan yang melebihi tempoh satu tahun bagi tempoh dari tahun 2014 hingga tahun 2016 mengikut pecahan warganegara adalah seperti berikut:**

- i) Myanmar – 298 orang**
- ii) Bangladesh – 13 orang**
- iii) Vietnam – 1 orang**
- iv) Nepal – 5 orang**
- v) Lain-lain – 68 orang**

**Daripada pecahan tersebut, seramai 137 orang tahanan yang melebihi tempoh satu tahun pada tahun 2014 yang melibatkan 121 orang lelaki dan 12 orang wanita dan 4 orang kanak-kanak. Manakala bagi tahun 2015 adalah seramai 150 orang yang melibatkan 142 orang lelaki dan 6 orang wanita dan 2 orang kanak-kanak. Bagi tahun 2016 adalah seramai 98 orang yang melibatkan 92 orang lelaki dan 3 orang wanita dan 3 orang kanak-kanak.**

**Untuk makluman, tahanan etnik Rohingya dibebaskan kepada pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) setelah tapisan dan siasatan oleh pihak UNHCR serta tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Rayuan Imigresen (JKRIM). Bagi tahun 2014 hingga tahun 2016, tiada rekod yang diperolehi oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Bagi 1 Januari 2017 sehingga 24 Februari 2017, terdapat sejumlah 2,362 orang tahanan etnik Rohingya.**

**Antara punca penahanan yang berpanjangan adalah kesukaran pengesahan status warganegara sebenar, kelewatan dalam memperolehi dokumen perjalanan daripada kedutaan asing dan kelewatan tahanan untuk mendapatkan tiket pulang ke negara asal.**